



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 6 SEPTEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	FAMA KOMITED SASAR PERLUAS BAZAAR PEDULI RAKYAT DI SELURUH NEGARA, BISNES, SH -38 BAZAR PEDULI RAKYAT RINGANKAN BEBAN, NASIONAL, BH -15 POTONGAN CECAH 50 PERATUS, NEWS, HM (TIMUR) -34 POTONGAN CECAH 50%, NEWS, MY METRO -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	TERBAKAR LAGI, SETEMPAT, HM -24	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6.	SEMANGAT SETIAKAWAN, DALAM NEGERI, UM -18	PADI BERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
7. 8.	AYAM DICEMARI AMMONIA DILUPUS, NEGARA, KOSMO -2 BEKALAN AYAM TERJEJAS SEHARI, SETEMPAT, HM -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	MUSANG KING DI PULAU REDANG, SINAR TIMUR, SH -32 NELAYAN LEGA TIADA AKTIVITI KOREK PASIR, SENTRAL, BH -50 'GUNA WANG JUALAN PADI UNTUK KE KUALA LUMPUR', DALAM NEGERI, UM -9 'GUNA WANG JUALAN PADI UNTUK KE KUALA LUMPUR', UM -ONLINE PENDUDUK PULAU REDANG DISARAN CEBURI PERTANIAN, SH -ONLINE PASUKAN KHAS TEMBAK BABI HUTAN SETIAP MALAM, SETEMPAT, HM -26 NURTURING THE SPIRIT OF HILL PADI PLANTING IN TAMBUNAN, DAILY EKSPRES - ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	SINAR HARIAN	BISNES	38

## FAMA komited sasar perluas Bazaar Peduli Rakyat di seluruh negara

**LEMBAGA** Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk memperluas Bazaar Peduli Rakyat (BPR) ke seluruh negara menjelang akhir tahun 2021.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, pihaknya yakin BPR yang menawarkan pelbagai barangan pada harga lebih murah berbanding harga pasaran akan dilaksanakan di seluruh 222 kawasan Parlimen serta 576 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan

sambutan memberangsangkan daripada orang ramai di lima lokasi penganjuran program itu setakat ini.

"Sejak program pertama dilancarkan di Pulau Pinang pada 1 Februari 2019, BPR telah diadakan secara bulanan. Ia bukan sahaja berjaya meningkatkan pendapatan usahawan kepada 40 peratus hingga 50 peratus, malah memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pelbagai barangan dengan harga lebih murah sekitar lima hingga 30 peratus berbanding

harga pasaran.

"Sehingga kini, BPR telah dilaksanakan di Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan serta Selangor dan terbukti memberi banyak impak positif sehingga banyak permintaan agar ia diadakan setiap bulan. Kita akan terus perluaskan program ini agar rakyat seluruh negara menerima manfaatnya," katanya pada program pelancaran BPR di Kuala Terengganu semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Ke-

majuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed.

Bazaar itu adalah hasil kerjasama strategik tiga agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu FAMA, LPP dan LKIM yang bertujuan memendekkan rantaian pemasaran barangan dari peladang, petani dan nelayan agar ia terus sampai kepada pengguna.

# Bazar Peduli Rakyat Ringankan beban

Tawar harga sehingga

50 peratus

lebih murah

daripada pasaran

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
cnews@nstp.com.my

**Kuala Terengganu:** Penganjuran Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di seluruh negara sejak Februari lalu, bukan saja menawarkan harga rendah, tetapi turut menyediakan kaunter khas bagi menerima sumbangan orang ramai.

Sumbangan berbentuk sumber segar dan bahan mentah itu diserahkan oleh penganjur melalui Kaunter *My Food For Umamah* (MFFU) yang disediakan BPR. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),

Ishak Ismail, berkata program BPR itu bermula di Pulau Pinang pada Februari lalu sebelum ke Terengganu yang menjadi lokasi keenam selepas penganjuran di Selangor pada Ogos lalu.

"BPR menawarkan harga 40 hingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran, sekali gus dapat meringankan beban pengguna kerana ia jualan terus dari ladang tanpa melalui orang tengah.

"Pada BPR kali ini, kami menawarkan harga manggis dan rambutan hanya RM1 sekilogram, manakala ayam bernarga RM7.50 diturunkan kepada RM6.50 sekilogram.

"Ikan tongkol berharga RM10 dijual pada harga RM7 sekilogram dan tomato berharga RM7 hanya dijual pada harga RM5.50 sahaja," katanya selepas Majlis Pelancaran BPR di pekarangan Pejabat MARDI Manir, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhamamad Faiz Fadzil.

Ishak berkata, program BPR akan diteruskan sekurang-kurangnya sebulan sekali di seluruh negara.

Katanya, sehingga kini program terbabit sudah dilaksanakan di enam lokasi hasil kerjasama tiga agensi itu FAMA, LPP dan LKIM membabitkan 50 peniaga serta usahawan di setiap lokasi.

"Lokasi seterusnya di Perak yang dijadualkan akhir bulan ini. Penganjuran BPR itu diharapkan akan memberi manfaat bukan saja kepada pengguna tetapi juga kepada peniaga dan usahawan.

"Melalui program ini masalah lambakan hasil pertanian juga dapat dielakkan dan pengguna juga dapat membeli dengan harga murah," katanya.

Beliau berkata, kewujudan kaunter MFFU di bawah seliaan Yayasan Prihatin Insan (YPI) juga membantu golongan miskin dan tidak berkemampuan.



Ishak dan Mazlan melelong buah-buahan pada harga istimewa selepas Majlis Pelancaran BPR di pekarangan Pejabat MARDI Manir, Kuala Terengganu, semalam. (FOTO IMBANI MAKHZAN/BH)

Headline	Potongan cecah 50peratus		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	34	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	365 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Rabiul Zulkifli	AdValue	RM 10,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,268



ISHAK (tiga dari kanan) melelong barang dengan harga istimewa kepada pengunjung selepas Majlis Pelancaran Program Bazar Peduli Rakyat dan Penyerahan Bantuan Jam Kongsi Rezeki My Food For Ummah di Manir, semalam.

## ■ Bazar Peduli Rakyat ringan beban pengguna, jualan dari ladang

Ahmad Rabiul Zulkifli  
am@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

**P**enganjuran Program Bazaar Peduli Rakyat (BPR) di seluruh negeri sejak Februari lalu bukan sekadar menawarkan harga rendah tetapi turut menyediakan kaunter khas bagi menerima sumbangan orang ramai.

Sumbangan berbentuk barangan segar dan bahan mentah itu disalurkan pengunjung melalui Kaunter My Food For Ummah (MFFU) yang disediakan di BPR.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Ishak Ismail berkata, program BPR itu bermula di

Pulau Pinang pada Februari lalu sebelum ke Terengganu yang menjadi lokasi keenam selepas penganjuran di Selangor, Ogos lalu.

"BPR menawarkan harga 40 hingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran sekali gus meringkatkan beban pengguna dan ia ialah jualan terus daripada ladang tanpa orang tengah.

"Pada BPR kali ini kami menawarkan harga manggis dan rambutan hanya RMI sekilogram, manakala ayam berharga RM7.50 diturunkan kepada RM6.50 sekilogram.

"Ikan tongkol berharga RM10 dijual pada harga RM7 sekilogram serta tomato berharga RM7 hanya dijual pada harga RM5.50 sahaja," katanya ketika ditemui pada

Majlis Pelancaran BPR di penganjuran Pejabat MARDI Manir di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil.

Ishak berkata, program BPR akan diteruskan sekurang-kurangnya sebulan sekali di seluruh negeri.

Katanya, sehingga kini program terbabit sudah dilaksanakan di enam lokasi hasil kerjasama tiga agensi itu FAMA, LPP dan LKIM membabitkan 50 peniaga serta usahawan di setiap lokasi.

"Lokasi seterusnya di Perak yang dijadualkan pada akhir September ini.

"Penganjuran BPR itu diharapkan memberi manfaat bukan saja kepada pengguna tetapi juga kepada peniaga dan usahawan.

"Melalui program ini masalah lambakan hasil pertanian juga dapat dielakkan dan pengguna juga dapat membeli dengan harga yang murah," katanya.

Menurutnya, kewujudan kaunter MFFU di bawah seliaan Yayasan Prihatin Insan (YPI) juga membantu golongan miskin dan tidak berkemampuan.

"Sehingga kini seramai 300 penduduk yang memerlukan dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima manfaat daripada program yang dianjurkan ini," katanya.

Headline	Potongan cecah 50%		
MediaTitle	MyMetro (www.hmetro.com.my)		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	5	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,800

## Potongan cecah 50%

ISHAK (tiga dari kanan) melelong barang dengan harga istimewa kepada pengunjung selepas Majlis Pelancaran Program Bazar Peduli Rakyat dan Penyerahan Bantuan Jom Kongsi Rezeki My Food For Ummah di Manir, semalam.

Ahmad Rabiul ZulkifliKUALA TERENGGANU: Pen...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24

# Terbakar lagi



**KEBAKARAN** tanah gambut milik Mardi dan Jabatan Pertanian di Jalan Pontian di sini.

## ■ Ladang tanah gambut milik Mardi, Jabatan Pertanian seluas 12 hektar musnah

**Mohd Sabran Md Sanj**  
sab@hmetro.com.my

### Pontian

**T**idak sampai tiga hari kebakaran 16 hektar hutan di Tanjung Adang dan Kampung Pekajang, Iskandar Puteri berjaya dipadamkan, bomba sekali lagi diuji apabila ladang seluas 12 hektar terbakar sejak kelmarin.

Difahamkan lokasi terbakar membabitkan tanah gambut milik Institut Pe-

nyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Jabatan Pertanian di Jalan Pontian di sini.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Pontian Baru, Iqbal Raduan berkata, usaha memadam kebakaran itu dilakukan sejurus pihaknya menerima panggilan kebakaran jam 11.50 pagi kelmarin.

Katanya, tujuh anggota bomba bersama sebuah jentera dibantu Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan penduduk tempatan berusaha memadam kebakaran.

"Setibanya pasukan

bomba dan penyelamat di tempat kejadian didapati berlaku kebakaran membabitkan tanah gambut di ladang milik Mardi dan Jabatan Pertanian.

"Kebakaran membabitkan kawasan seluas 12 hektar. Anggota bomba menggunakan sumber air terbuka untuk memadam kebakaran," katanya.

Katanya, operasi memadam kebakaran turut dibantu sebuah jengkaut milik Mardi.

"Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, punca dan anggaran kerugian masih dalam siasatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	18



## SEMANGAT SETIAKAWAN

DEMI semangat setiakawan yang utuh Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) tampil menghulurkan bantuan sebanyak 600 kampil beras serta 400 bungkus nasi beriani kepada kakitangan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di Kuala Lumpur semalam.

Sumbangan itu disampaikan oleh wakil Bernas kepada Badan Keluarga Utusan Melayu (BKUM) di ibu pejabat Utusan. Penolong Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat Bernas Mohd. Zulhelmy Ismail memberitahu, hubungan Bernas dengan Kumpulan Utusan bukan sahaja telah lama terjalin malah seperti adik-beradik.

■ **PENOLONG** Pengarang *Mingguan Malaysia* Rozaman Ismail (dua dari kanan) bersama Pengarang *Kosmo!* Lokman Othman (empat dari kiri) dan Yang Dipertua Badan Keluarga Utusan Melayu (BKUM) Saifol Bakhtiar Hamik (tiga dari kanan) menerima sumbangan daripada BERNAS yang diwakili Mohd. Zulhelmy Ismail (empat dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.

Pihak kilang tanam 198,000 ekor ternakan elak kesihatan pengguna terjejas

# Ayam dicemari ammonia dilupus

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

**MELAKA** - Sebanyak 198,000 ekor ayam segar terpaksa dilupuskan di sebuah kilang pemprosesan ayam selepas ternakan itu dipercayai terdedah dengan gas ammonia yang dilaporkan mengalami kebocoran di premis tersebut di Merlimau di sini pada Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani Melaka, Northizam Hassan Baktee berkata, keputusan untuk melupuskan ternakan tersebut dibuat oleh pihak pengurusan kilang bagi mengelakkan kesihatan pengguna terjejas.

"Langkah pelupusan itu menjejaskan jumlah bekalan ayam segar di negeri ini semalam (kelmarin), namun hari ini (semalam) bekalan ayam pulih semula melibatkan jumlah keperluan antara 300,000 hingga 400,000 ekor ayam sehari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pembukaan



ANGGOTA bomba berada di kawasan sebuah kilang memproses ayam susulan kejadian kebocoran gas ammonia di Merlimau pada Selasa lalu.



CONTOH ayam segar yang dilupuskan di sebuah kilang memproses ayam di Merlimau akibat terjejas gas ammonia.



Pekerja sesak nafas gas ammonia kilang bocor

jika dimakan pengguna akan berisiko menghidap penyakit.

Sementara itu, Eksekutif Sumber Manusia kilang berkenaan, Haw Kok Seong memberitahu, kesemua ayam segar yang dilupuskan daripada sebahagian kawasan yang terjejas dengan kebocoran gas ammonia telah ditanam di satu lokasi tanah milik kilang tersebut.

"Kesemua 198,000 ekor ayam segar ini tidak boleh dibakar sebagaimana arahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri.

## INFO

### Gas Ammonia

- Digunakan sebagai bahan penyejuk udara dan pembuatan polimer
- Tidak mempunyai warna dan lebih ringan daripada udara
- Boleh menyebabkan sakit kepala, batuk, keagatalan pada mata dan hidung jika terdedah dengan kandungan gas ammonia tinggi
- Larutan padat ammonia pula menyebabkan kerosakan mata dan kulit
- Pendedahan gas ammonia berlebihan boleh menyebabkan kematian akibat saluran pernafasan menggecut dan paru-paru bengkak

enam lelaki berusia antara 20 hingga 40-an sesak nafas selepas terhidu gas tersebut. Seramai 16 pekerja dikejarkan ke Hospital Jasin, manakala 10 yang lain dirawat di Hospital Melaka.

Ayam yang dilupuskan itu memabihkan bekalan sehari. "Kilang pemprosesan ini telah beroperasi seperti biasa, cuma kawasan yang terjejas dengan kebocoran gas ammonia masih ditutup untuk siasatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melaka," ujarnya.

Selasa lalu, kebocoran gas ammonia dilaporkan berlaku di kilang pemprosesan ayam tersebut kira-kira pukul 11.30 pagi. Insiden itu menyebabkan 26 pekerja termasuk 20 wanita dan



SUSULAN KEBOCORAN GAS AMMONIA

## Bekalan ayam terjejas sehari

IBU murid memakai topeng muka ketika menghantar anak ke sekolah, semalam.

■ 198,000 ayam tercemar dilupus dengan cara ditanam di tanah kilang

Faiyuz Zaidan  
am@hmetro.com.my

Melaka

**P**elupusan 198,000 ayam akibat insiden kebocoran gas ammonia di kilang pemprosesan ayam di Merlimau, Jasin. Selasa lalu hanya menyebabkan kekurangan bekalan selama sehari.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani Melaka, Norhizam Hassan Baktee berkata, tindakan itu diambil sebagai langkah keselamatan oleh pihak pengurusan kilang, sekali gus menyebabkan sebahagian bekalan ayam di negeri ini terutamanya di pasar raya besar terjejas, kelmarin.

Bagaimanapun, beliau berkata, bekalan ayam kembali pulih semalam dan menampung keperluan antara 300,000 hingga 400,000 ayam sehari bagi negeri ini.

"Pelupusan 198,000 ayam ketika kejadian memang diakui menjejaskan pasaran dan kita dapat lihat berlaku kekurangan bekalan ayam di negeri ini semalam (kelmarin).

"Bagaimanapun, keadaan hari ini (semalam) dimaklumkan kembali pulih, terima kasih kepada pengurusan kilang kerana bertindak pantas mengatasi permasalahan itu memandangkan syarikat berkenaan adalah pengeluar telur dan ayam



PEKERJA memasuki kawasan kilang selepas dibenarkan kembali bekerja berkaitan kebocoran gas ammonia di Serikan, Merlimau, kelmarin.

daging terbesar di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pembukaan Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar cawangari ke-12 di sini, semalam.

Difahamkan, syarikat pemprosesan ayam itu memasarkan 200,000 ayam sehari di negeri ini daripada keseluruhan 300,000 ke 400,000 ayam sehari termasuk daripada pembekal lain di negeri ini bagi memenuhi permintaan domestik.

Norhizam berkata, orang ramai tidak perlu bimbang mengenai kekurangan ayam di pasaran kerana bekalan-nya kembali stabil.

"Malah, saya menyeru supaya penduduk tidak cemas dan tidak mendengar pelbagai persepsi orang luar," katanya.

Sementara itu, Eksekutif Sumber Manusia kilang pemprosesan ayam berkenaan, Haw Kok Seong berkata, ayam yang dilupuskan membabitkan bekalan sehari dan ia ditanam di kawasan tanah milik kilang berkenaan.

"Semua 198,000 ayam ini ditanam di beberapa tempat kerana ia tidak boleh dibakar sebagaimana arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Operasi kilang kembali pulih semalam (kelmarin), hanya kawasan yang terjejas dengan kebocoran gas ammonia masih ditutup untuk siasatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Melaka," katanya.

Mengulas lanjut mengenai nasib kakitangan di kawasan terjejas, beliau berkata, syarikat tetap akan membayar gaji kepada 200 kakitangan terjejas sepanjang tempoh siasatan selesai.

Malah, beliau turut membeberikannya akan turut menjaga kebajikan pekerja yang terjejas akibat insiden itu.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi Selasa lalu, 26 pekerja termasuk 20 wanita dan enam lelaki berusia 20 hingga 40-an sesak nafas selepas terhidu gas akibat kebocoran gas ammonia.

Daripada jumlah itu, 16 pekerja termasuk 12 wanita dikejarkan ke Hospital Jasin, manakala 10 pekerja termasuk lapan wanita dirawat di Hospital Melaka.



“Operasi kilang kembali pulih semalam (kelmarin), hanya kawasan yang terjejas dengan kebocoran gas ammonia masih ditutup untuk siasatan”  
Norhizam Hassan Baktee

# Musang king di Pulau Redang

**Penduduk Pulau Redang disyor ceburi pertanian**

MOHD TAHA YAACOB

UTES

**T**anah di Pulau Redang sesuai untuk tanaman durian musang king. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, justeru penduduk pulau itu perlu merembut peluang bagi menambah sumber ekonomi mereka.

"Peluang sangat luas untuk kita manfaatkan dalam agro pelancongan kerana tanah di sini sesuai untuk tanam durian musang king," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Majlis Dialog Bersama Nelayan Pulau Redang di Balai Raya Kampung Pulau Redang semalam.

Menurutnya, walaupun Pulau Redang adalah kawasan pelancongan terkenal tetapi penduduk boleh melihat sektor pertanian yang sesuai di pulau itu.

"Masih ada tanah milik penduduk yang terbiar dan tanah kerajaan yang kosong

Hadir sama Pengarah Pertanian Negeri Terengganu, Zulkifli Amin Yusof dan Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali.

Menurut Dr Azman, wanita juga digalakkan mengikut kursus dalam industri hiliran berasaskan perikanan.

"Insya-ALLAH, jabatan perikanan akan berusaha mengadakan kursus jangka pendek bagi tujuan itu," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan negeri turut memberi perhatian berkaitan kemudahan di jeti, isu tanah, bekalan minyak diesel bersubsidi bagi nelayan dan permohonan pembinaan tuktun rekreasi di pulau itu.



Azman (dua dari kanan) bersama Zawawi dan pegawai agensi terlibat ketika melawat Pulau Redang.



Rohizam membetulkan jaring udang di Pangkalan Nelayan Kampung Paya Lebar, Lubok Cina dekat Alor Gajah. (Foto Hassan Omar/BH)

## Nelayan lega tiada aktiviti korek pasir

Hasil tangkapan ikan, udang meningkat sejak Mei lalu

Oleh Hassan Omar  
news@nstp.com.my

Alor Gajah: Seramai 106 nelayan sungai di Lubok Cina, di sini, menikmati peningkatan hasil tangkapan ikan dan udang susulan arahan menghentikan aktiviti mengorek pasir di Sungai Rembau, sejak Mei lalu.

Bagaimanapun, mereka masih bimbang hasil tangkapan ikan, udang galah dan udang kecil atau lebih dikenali sebagai 'bubuk' kembali merosot apabila aktiviti berkenaan disambung semula syarikat baharu tidak lama lagi.

Sejak Mei lalu hingga sekarang, kebanyakan nelayan di Pangkalan Nelayan Kampung Paya Lebar, Sungai Timun, Telok Berembang, Tebing Urut dan Ramuan Cina mampu tersenyum dengan hasil tangkapan ikan semilang, pari, siakap, gelama dan seumpamanya, selain udang galah serta bubuk

yang memuaskan.

Rohizam Abu Bakar, 49, berkata sejak operasi mengorek pasir sungai dihentikan pertengahan Mei lalu, hasil tangkapan meningkat berikutan ikan dan udang yang 'melarikan diri' ke lokasi lain yang tidak terjejas dengan aktiviti berkenaan, sudah kembali ke Sungai Rembau.

"Ketika projek itu berjalan, kami hendak dapat hasil jualan RM50 sehari pun susah berbanding sekarang. Rezeki kami bukan tetap kerana ada kalanya jaring dan rawai dipenuhi ikan, ada waktunya hendak dapatkan duit petrol pun susah.

"Kami bimbang aktiviti (mengorek pasir) akan disambung semula syarikat

**Rezeki kami bukan tetap kerana ada kalanya jaring dan rawai dipenuhi ikan, ada waktunya hendak dapatkan duit petrol pun susah.**

Rohizam Abu Bakar,  
Nelayan

baharu yang mengambil alih projek itu," katanya ketika ditemui di Pangkalan Nelayan Kampung Paya Lebar, di sini, semalam.

Abdul Maulud Idris, 58, pula berkata ketika menangkap ikan di sungai itu pada minggu lalu, dia melihat beberapa lelaki dipercayai pekerja syarikat kontraktor yang bakal menyambung semula kerja di lokasi mengorek pasir.

"Saya percaya mereka akan menyambung semula kerja berkenaan tidak lama lagi. Sudah tentu sekali lagi kami akan menghadapi masalah kemerosotan hasil tangkapan," katanya.

Pada Mei lalu, kerajaan negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Melaka (PKMM) mengarahkan syarikat pemegang konsesi mengorek pasir berkenaan menghentikan operasi selepas tidak menepati janji untuk memberikan sagu hati kepada nelayan.

Berikutan itu, kerajaan negeri memberikan konsesi itu kepada Melaka Halal Hub Sdn Bhd (Halal Hub) yang membayar sagu hati RM37,600 kepada 106 nelayan terbahit.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Md Zaini Zainal dipetik sebagai berkata, kerja mengorek pasir dijangka akan mula disambung bulan ini.

6/9/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

9



SAIFULLAH ABI JAMRAH akan menggunakan hasil jualan padinya untuk menyertai Himpunan Penyatuan Ummah di Kuala Lumpur minggu depan.

## 'Guna wang jualan padi untuk ke Kuala Lumpur'

**ARAU 5 Sept.** - Seorang ahli Pas dari Guar Sanji di sini berhasrat untuk memelihara ayam dan mengusahakan tanaman mempelam harumanis apabila memperoleh wang hasil jualan padi miliknya minggu depan.

Namun, katanya, kemahuan itu terpaksa dipendamkan buat sementara waktu semata-mata kerana mahu menggunakan wang tersebut sebagai perbelanjaan untuk menghadiri Himpunan Penyatuan Ummah (HPU914) di Kuala Lumpur, 14 September depan.

Saifullah Abi Jamrah, 34, berkata, dia dijangka memperoleh wang hasil jualan padi sebanyak RM3,000 itu pada minggu depan.

Katanya, walau bagaimanapun wang itu akan digunakan untuk perbelanjaan ke program tersebut termasuklah kos sewa kenderaan.

"Sejujurnya saya tidak mahu melepaskan peluang bersama ribuan yang lain di dalam himpunan menandatangani piagam membabitkan kedua-dua parti terbesar orang Melayu dan Islam itu.

"Himpunan memeterai piagam oleh dua parti terbesar orang Melayu itu sudah pasti

akan menjadi sejarah dan saya tidak ingin melepaskan peluang ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dijangkakan lebih 10,000 orang ahli dan penyokong UMNO dan Pas dari negeri ini menghadiri himpunan itu, yang mana acara kemuncaknya adalah majlis menandatangani Piagam Muafakat Nasional pada 13 dan 14 September depan.

Program itu bakal menyak-

sikan presiden kedua-dua parti menandatangani piagam pemeteraian kerjasama.

Ini sekali gus dilihat bakal mengukuhkan blok pembangkang dengan hasrat menjaga kepentingan orang Melayu dan Islam.

Tambah Saifullah, kerjasama Pas dan UMNO menjadi keperluan ketika orang Melayu dan Islam dilihat berpecah sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 'Tunggu wang jualan padi ke Kuala Lumpur'



ARAU 5 Sept. - Seorang ahli Pas dari Guar Sanji di sini berhasrat untuk memelihara ayam dan mengusahakan tanaman mempelam harumanis apabila memperoleh wang hasil jualan padi miliknya minggu depan.

Namun kemahuannya itu terpaksa dipendamkan buat sementara waktu, semata-mata kerana mahu menggunakan wang tersebut sebagai perbelanjaan untuk menghadiri himpunan Piagam Muafakat Nasional Pas-UMNO di Kuala Lumpur, 14 September depan.

Saifullah Abi Jamrah, 34, berkata, dia dijangka memperoleh wang hasil jualan padi sebanyak RM3,000 itu pada minggu depan.

Katanya, walau bagaimanapun wang itu akan digunakan untuk perbelanjaan ke program tersebut termasuklah kos sewaan kenderaan.

"Sejujurnya saya tidak mahu melepaskan peluang bersama ribuan yang lain di dalam himpunan menandatangani piagam membabitkan kedua-dua parti terbesar orang Melayu dan Islam itu.

"Himpunan memeterai piagam oleh dua parti terbesar orang Melayu itu sudah pasti akan menjadi sejarah dan saya tidak ingin lepaskan peluang ini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dijangka lebih 10,000 orang ahli dan penyokong UMNO dan Pas dari negeri ini akan menghadiri Himpunan Penyatuan Ummah bersempena majlis menandatangani Piagam Muafakat Nasional pada 13 dan 14 September depan.

Program itu bakal menyaksikan kedua-dua parti akan menandatangani piagam kerjasama oleh kedua-dua Presiden.

Ia sekali gus dilihat bakal mengukuhkan blok pembangkang dengan hasrat menjaga kepentingan orang Melayu dan Islam.

Tambah Saifullah, kerjasama Pas dan UMNO menjadi keperluan ketika orang Melayu dan Islam dilihat berpecah sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Penduduk Pulau Redang disaran ceburi pertanian



Azman (dua dari kanan) bersama Zawawi dan pegawai agensi terbabit ketika melawat Pulau Redang.

SETIU - Penduduk Pulau Redang diminta merebut peluang dalam sektor pertanian yang sesuai di pulau pelancongan itu bagi menambah sumber ekonomi dan pendapatan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri menggalakkan aktiviti pertanian di semua kawasan termasuk di Pulau Redang.

Menurutnya, walaupun pulau tersebut adalah destinasi pelancongan dan perikanan terkenal, namun sektor pertanian tidak dipinggirkan malah boleh menjadi salah satu sumber ekonomi baharu.

"Kita tidak pinggir sektor pertanian kerana ada kebun-kebun milik penduduk yang terbiar dan tanah kerajaan yang masih lagi kosong.

"Ada peluang sangat luas untuk kita memanfaatkan iaitu agro pelancongan memandangkan tanah di sini sesuai dan subur untuk durian musang king," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Majlis Dialog Bersama Nelayan Pulau Redang di Balai Raya Kampung Pulau Redang di sini.

Hadir sama Pengarah Pertanian Negeri Terengganu, Zulkifli Amin Yusof dan Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali.

Menurut Dr Azman, golongan wanita turut akan diketengahkan dalam kursus-kursus yang berkait industri asas tani seperti pembuatan satar ikan dan industri hiliran berasaskan perikanan.

"Insya-ALLAH, jabatan perikanan akan berusaha mengadakan kursus-kursus jangka pendek bagi memberikan mereka ilmu yang ingin diceburi," katanya.

Mengulas isu kemudahan di jeti, isu tanah, bekalan minyak diesel bersubsidi bagi nelayan dan permohonan pembinaan tukun rekreasi khusus untuk masyarakat Pulau Redang, beliau memaklumkan, perkara tersebut akan diberikan perhatian.

"Setiap perkara yang dikemukakan dengan izin ALLAH ada jalan penyelesaiannya.

"Semua isu dikemukakan ini akan diambil perhatian dan ada beberapa perkara yang akan diambil tindakan dalam masa terdekat," katanya.

## Pasukan khas tembak babi hutan setiap malam

**Melaka:** Bermula awal bulan ini, kerajaan negeri menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Melaka menubuhkan pasukan khas memburu serta menembak babi hutan setiap malam.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Norhizam Hassan Baktee berkata, penubuhan pasukan khas itu bagi membendung peningkatan populasi hidupan liar berkenaan yang semakin membimbangkan termasuk di beberapa gugusan pulau di sekitar negeri ini.

"Isu babi yang merentasi antara pulau ke pulau memang wujud. Pada saya, babi yang merentasi dari Serkam, Padang Temu dan Pulau Undan ini memang berlaku kerana ia disaksikan nelayan tempatan.

"Babi ini dipercayai mencari makan sebelum membiak di kawasan baharu. Malah, babi juga haiwan yang cepat membiak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pembukaan Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar bagi cawangan ke-12 di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan media tempatan yang mendakwa hidupan liar itu menceroboh ke negeri ini dengan berenang merentasi



**RAHIM**

selat Melaka dari Sumatera, Indonesia.

Norhizam berkata, beliau tidak menafikan kemungkinan berlaku pencerobohan berkenaan, tetapi ia tidak dapat disahkan memandangkan dakwaan itu dibuat nelayan tempatan.

Sementara itu, tinjauan di Jeti Nelayan Pantai Siring, Serkam, petang semalam mendapati sekumpulan nelayan memberikan pendapat berbeza berhubung dakwaan babi hutan merentasi Selat Melaka dari Sumatera.

Nelayan, Rahim Abdullah, 60, berkata, senario babi hutan merentasi pulau ke pulau bukan suatu yang asing memandangkan jarak antara gugusan pulau terletak berhampiran satu sama lain.

"Tidak masuk akal kalau babi hutan boleh berenang dari Sumatera sebab lautan kita bukan macam Laut China Selatan, kita ada pasang dan surut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2019	DAILY EKSPRES	ONLINE	

## Nurturing the spirit of hill padi planting in Tambunan



**TAMBUNAN:** The spirit and culture of “ahuhuyu atau mitatabang” synonymous with gotong royong is the practise of the ancestors to do a large-scale work among them, to plant hill padi (mangasok tindal) or farm still practised by the indigenous people (Mamagun).

Although the practise is now declining or extinct, there are still some groups in the interior who are still practising such a culture, said Mamagun Kg Monsok tengah Tambunan Mamagun Harry Kunjan on Monday.

This is because such practises can not only deepen the relationship among people but also enabled them to complete a complex task faster and consider such activity as entertaining, he said.

Harry, who is also a public servant, said the activity was often held on weekends or public holidays, among others, whose

purpose was to help ease the burden of farming more than 5 acres for the hill padi crop or “Tindal”, he said.

“Men are given the task of mangasok or putting holes in the ground with sharp sticks while the women followed in the footsteps of the men carrying the rice while filling the holes with padi seeds.

“The movement of the two groups is well organised so that no vacant space is left behind or left unoccupied,” he said.

According to Harry, the growing season of rice paddy between Augt to Sept is because the rice farmers have been able to expect that in Oct the rainfall will fall concurrently with the newly planted padi growing.